


## **DECLARATION OF AUTHOR'S RIGHTS**

**The copyright of this thesis belongs to the author under the terms of the Copyright Act, 1987 (Act 332) Due acknowledgement must always be made of the use of any material contained in, or derived from this thesis.**



SATU TINJAUAN PROSEJUR PENDAKWAAN DAN  
TUNTUTAN MAL DI MAHKAMAH SYARIAH  
WILAYAH PERSEKUTUAN

OLEH

ISMAIL BIN HAJI MCKHTAR

SESI 1988/1989

KURSUS DIPLOMA UNDANG-UNDANG  
DAN PENTADBIRAN KEHAKIMAN ISLAM

UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA

MALAYSIA

21  
BP  
158  
A188  
183  
1989a

PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah SWT, yang Maha Luas RahmatNya, selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W serta para sahabat dan sekalian pengikut-pengikutnya.

Dengan taufiq dan hidayat dari Allah yang Maha Esa, dapatlah saya menghasilkan kertas projek yang ringkas ini sebagai memenuhi syarat untuk mendapat Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam, Universiti Islam Antarabangsa, Malaysia.

Saya merakamkan penghargaan dan ucapan terima kasih kepada pihak Universiti Islam Antarabangsa yang telah mengadakan Kursus Diploma Undang-Undang dan Pentadbiran Kehakiman Islam untuk memenuhi Keperluan negara. Saya mengucapkan terima kasih kepada Profesor Dr. Mahmud Saedon b. Awang Othman yang menjadi penyelia saya di dalam menyediakan kertas projek ini, juga kepada pensyarah-pensyarah yang telah memberi khidmat dan tunjuk ajar semasa saya mengikuti kursus ini. Di samping itu saya juga merakamkan penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Perkhidmatan Awam, Jabatan Perdana Menteri Bahagian Agama dan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan yang telah memberi kerjasama kepada saya sepanjang kursus ini.

Moga-moga segala usaha dan bakti yang murni itu diberi ganjaran oleh Allah SWT. Di samping itu tercapailah hendaknya hasrat dan cita-cita kerajaan untu meninggikan dan menegakkan syiar Islam di negara

ini.

Sekian, Wassalam.

## PENDAHULUAN

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

الحمد لله نحمده، ونستعينه ونستغفره، ونعوذ بالله من شرور أنفسنا  
وسيئات أعمالنا، من يهده الله فلا مضل له، ومن يضلل فلا هادي له، وأشهد أن  
لا إله إلا الله، وحده لا شريك له، وأشهد أن محمداً عبده ورسوله، وأشهد أن  
رسوله .

Kertas projek ini memrupukan perhatian terhadap pendakwaan dan tuntutan Mal di Mahkamah Syari'ah Wilayah Persekutuan yang dijalankan pada masa ini.

Kertas projek ini membentangkan hal-hal mengenai bidang kuasa Mahkamah Syari'ah, Unit Penguatkuasa dan Pendakwaan, pendakwaan menurut Islam, kes-kes yang didakwa dan proses perbicaraan yang dijalankan di Mahkamah Syari'ah Wilayah Persekutuan.

Kajian ini berasaskan kepada :-

- (a) Dalil-dalil al-Quran dan Hadith
- (b) Kitab-kitab Fiqah yang muktabar
- (c) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.
- (d) Akta 303 - Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah Persekutuan) 1984.

(e) Pengalaman saya sebagai Pendakwa di Mahkamah Syari'ah  
Wilayah Persekutuan.

Semoga kertas projek ini akan dapat menjadi panduan ringkas  
dan memberi munafaat kepada penulis dan juga kepada pembaca sekalian,  
InsyaAllah.

## KANDUNGAN

	Halaman
PENGHARGAAN	i
PENDAEUJUAN	ii
KANDUNGAN	iii
SENARAI JADUAL	iv
BAB I MAHKAMAH SYARIAH DAN BIDANG KUASANYA	1
1.1 Pengenalan	
1.2 Tujuan	
1.3 Organisasi	
1.4 Bidangkuasa	
1.5 Aktiviti	
BAB II UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWAAN	9
2.1 Pengenalan	
2.2 Objektif	
2.3 Organisasi	
2.4 Fungsi-fungsi Unit Penguatkuasa	
2.5 Tugas-Tugas Pegawai	
2.6 Pembahagian Kawasan	
2.7 Aktiviti	
Lampiran	
BAB III PENDAKWAAN MENURUT ISLAM	33
3.1 Peranan Mahkamah dan Umat Islam	

- 3.2 Pengertian Dakwaan
- 3.3 Syarat-Syarat Dakwaan
- 3.4 Pembuktian
- 3.5 Kesaksian

BAB IV PENDAKWAAN DAN PERTUDUHAN

49

- 4.1 Pendakwaan
  - 4.2 Pertuduhan
  - 4.3 Kes Jenayah Syarie  
(Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak,  
Wilayah Persekutuan)
  - 4.4 Data-Data Kes Yang Didakwa
    - Tahun 1983 - 1985
    - Kes Khalwat Tahun 1986 dan 1987
  - 4.4 Kes Mal
  - 4.5 Cara Tuntutan Kes Mal
- Lampiran

BAB V KESIMPULAN DAN CADANGAN

110

- 5.1 Kesimpulan
- 5.2 Cadangan

BIBLIOGRAFI

113

## SERAI JADUAL

1. Jadual kes-kes Jenayah yang didakwa
2. Jadual kes khalwat Tahun 1986 & 1987
3. Jadual Statistik Kes Jenayah yang didengar di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan tahun 1980 - tahun 1986
4. Jadual Statistik kes sivil/mal yang telah didaftarkan di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dari tahun 1980 hingga tahun 1986.

## BAB I

MAHKAMAH SYARIAH DAN BIDANG KUASANYA1.1 Pengenalan

Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan ditubuhkan berdasarkan kepada Seksyen 44 (1) dan (2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974.

Seksyen 44 (1) (D.Y.M. Yang DiPertuan Agong di dalam Mesyuarat Kerajaan boleh menubuhkan dengan mengisytiharkan di dalam Warta Kerajaan Mahkamah Kadi Besar bagi Wilayah Persekutuan).

Seksyen 44 (2) (D.Y.M.M Yang Di Pertuan Agong boleh dengan mengisytiharkan di dalam Warta Kerajaan menubuhkan Mahkamah-Mahkamah Kadi di tempat-tempat yang difikirkan patut dan boleh mengadakan kariah).

Semenjak ditubuhkan hingga tahun 1982 ia telah digabungkan dengan Bahagian Pentadbiran Undang-Undang Syariah dan selepas itu ia dipisahkan dan diwujudkan Bahagiannya sendiri, yang dikenali sebagai Bahagian Kehakiman yang sekarang ditempatkan di Tingkat Empat dan Lima, Bangunan Baitulmal, Lot 132-138, Jalan Ipoh, 51200 Kuala Lumpur.

## 1.2 Tujuan (1)

- 1.2.1 Mendaulatkan undang-undang syariah yang berjalan sekarang.
- 1.2.2 Mewujudkan sistem kehakiman syariah yang teratur dan berkesan.
- 1.2.3 Menerima, mendengar dan menyelesaikan sebanyak mungkin kes-kes yang telah didaftarkan di mahkamah ini dengan adil dan saksama mengikut peraturan Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974.

## 1.3 Organisasi (2)

. Bahagian Kehakiman terbahagi kepada empat unit kecil iaitu :-

1. Unit Pentadbiran Mahkamah
2. Mahkamah Rendah Syariah (Mahkamah Kadi)
3. Mahkamah Tinggi Syariah (Mahkamah Kadi Besar)
4. Jawatankuasa Rayuan Ulangbicara (Mahkamah Rayuan Syariah).

### 1.3.1 Unit Pentadbiran Mahkamah

Unit ini mengendalikan pentadbiran Bahagian Kehakiman. Di samping itu, unit ini juga bertanggungjawab ke atas semua tindakan kes-kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Syariah.

### 1.3.2 Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

Mahkamah Rendah Syariah dikendalikan oleh dua orang Kadi Kanan selaku Hakim Mahkamah. Mahkamah Tinggi Syariah pula dikendalikan oleh Kadi Besar Wilayah Persekutuan selaku Hakim Mahkamah. Perlantikan hakim di kedua-dua mahkamah tersebut telah diperuntukkan di bawah Seksyen 43 (1) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang dibahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974.

Seksyen 43 (1) (D.Y.M.M Yang DiPertuan Agong boleh melantik siapa-siapa yang layak menjadi Kadi Besar bagi Wilayah Persekutuan ini dan demikian juga melantik siapa-siapa menjadi Kadi bagi kariah-kariah yang ditentukan dan juga boleh menarik balik lantikan itu).

### 1.3.3 Jawatankuasa Rayuan Ulangbicara

**Jawatankuasa ini merupakan satu badan kehakiman Syariah**

yang tertinggi bagi memenuhi permintaan orang-orang yang merasa tidak puas hati terhadap keputusan-keputusan Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

Tiga orang ahli panel yang menganggotai jawatankuasa ini akan hadir dalam setiap kali persidangan diadakan. Ahli-ahli panel tersebut dipilih mengikut giliran daripada jawatankuasa yang telah dilantik oleh Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong mengikut peruntukan di bawah Seksyen 46 (2) Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang diubahsuai oleh Perintah Milayah Persekutuan 1974. Jawatankuasa tersebut dilantik bagi tempoh lima tahun sekali.

#### 1.4 Bidang Kuasa

1.4.1 Mahkamah Rendah Syariah - Mahkamah Rendah Syariah hanya mempunyai kuasa untuk mendengar kes-kes yang mula dibicarakan sahaja, Kes-kes ini ialah :-

1. Kes jenayah - dendanya tidak melebihi daripada \$500/- dan penjara tidak lebih daripada 3 bulan.
2. Kes sivil/mal - nilai kes tersebut tidak melebihi \$10,000/-

1.4.2 Mahkamah Tinggi Syariah - Mahkamah Tinggi Syariah hanya mempunyai kuasa untuk mendengar kes-kes yang mula bicara sahaja. Kes-kes yang boleh didengar di mahkamah ini ialah :-

1. Kes jenayah - dendanya tidak melebihi daripada \$1,000/- dan penjara tidak lebih daripada enam bulan.
2. Kes sivil/mal - nilai kes tersebut ialah \$10,000/- ke atas hingga tidak ada had nilainya.

1.4.3 Jawatankuasa Rayuan Ulangbicara - Jawatankuasa ini mempunyai bidang kuasa untuk mendengar rayuan-rayuan secara terus daripada mahkamah-mahkamah mula bicara iaitu Mahkamah Rendah Syariah dan Mahkamah Tinggi Syariah.

## 1.5 Aktiviti (3)

Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan mempunyai empat aktiviti yang khusus iaitu :-

1.5.1 Mendaftar, mendengar dan membicarakan kes-kes yang telah didaftarkan di Mahkamah Syariah yang boleh dibahagikan kepada dua :-

### 1. Kes Jenayah

Iaitu tindakan yang dibawa oleh Pendakwaraya Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan dan lain-lain pendakwa sepertimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 64 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) sebagaimana yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974.

Dakwaan tersebut ialah terhadap orang yang dituduh kerana melakukan mana-mana kesalahan jenayah yang telah diperuntukkan di dalam bahagian ke sembilan Seksyen 150 hingga 175 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974.

(Kesalahan-kesalahan kes ini dinyatakan dalam Bab IV)

## 2. Kes Sivil/Mal

Kes sivil atau mal merupakan tuntutan-tuntutan yang berkaitan dengan kekeluargaan atau rumah-tangga atau kehidupan suami isteri bagi orang-orang Islam di Wilayah Persekutuan. Tuntutan tersebut telah diperuntukkan di bawah Seksyen 45 (3) Enakmen Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974. (Tuntutan kes mal dibincang dalam Bab IV)

### 1.5.2 Mengeluarkan Surat Akuan Pembahagian

#### Pusaka (Faraid)

Ia merupakan penyerahan pembahagian harta pusaka mengikut Islam bagi harta pusaka di Wilayah Persekutuan. Sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 47 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974.

### 1.5.3 Pengesahan Nikah Luar Negeri

Mahkamah Syariah boleh mengesahkan pernikahan yang dilakukan di luar negeri setelah diteliti dan menepati dengan kehendak Islam.

### 1.5.4 Mengeluarkan perintah pelaksanaan hukuman

Iaitu menguatkuasakan dan mengeluarkan perintah-perintah yang telah dibuat oleh Mahkamah dan juga menguatkuasakan perintah-perintah yang dikeluarkan sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah seksyen 68 dan 144 Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Negeri Selangor (1952) yang diubahsuai oleh Perintah Wilayah Persekutuan 1974.

Seksyen 68 (1) (sebuah mahkamah yang menjatuhkan hukuman denda bolehlah memberi masa membayar denda itu atau dibenarkan bayaran dengan beransur)

Seksyen 68 (2) (denda boleh didapati dengan jalan disebutkan kemudian kelak bagi mendapat wang bayaran yang dihukumkan di dalam bicara mal).

Nota Kaki

- (1) Cadangan Pemisahan Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan daripada Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan 1987.  
hal. 3
- (2) Ibid. hal. 3
- (3) Ibid. hal. 6 .

## BAB II

## UNIT PENGUATKUASA DAN PENDAKWAAN

2.1 Pengenalan

Unit Penguatkuasa dan Pendakwaan Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan ditubuhkan pada awal tahun 1976 atas desakan umat Islam, kerana sejak bulan Februari 1974 hingga bulan Disember 1975, orang-orang yang melanggar hukum syarak tidak diambil tindakan.

Sejak awal pembentukannya, unit ini hanya tertumpu kepada satu objektif sahaja iaitu mengambil tindakan undang-undang ke atas orang-orang Islam yang melakukan kesalahan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak 1974 (diubahsuai)

Unit ini telah berkembang dan diperbesarkan dari masa ke semasa dengan penambahan beberapa orang pegawai dan juga kerjasama yang diberikan oleh agensi-agensi Kerajaan dan orang awam yang menyedari hakikat bahawa mencegah kemungkaran adalah menjadi kewajipan seluruh umat Islam.

Unit Penguatkuasa menjalankan tindakan ke atas kes-kes jenayah, sementara pengadilannya dilakukan di Mahkamah Syariah, iaitu di bawah kuasa Hakim Mahkamah Kadi dan Hakim Mahkamah Kadi Besar, begitu juga kes-kes mal di bawah tanggungjawab kadi dan dibicarakan di Mahkamah Syariah.


## 2.2 Objektif

Pemubahan unit ini mempunyai objektif seperti berikut :-

1. Untuk mendaulatkan undang-undang dan melahirkan syiar Islam di samping mengawal keselamatan, kesejahteraan dan keadilan sosial khususnya di Wilayah Persekutuan.
2. Mencegah kemungkaran di Wilayah Persekutuan
3. Mencegah penyerapan ideologi komunis, zionis dan lain-lain ke dalam ajaran Islam di Wilayah Persekutuan.
4. Mencegah penyelewengan terhadap akidah dan syariah Islam di Wilayah Persekutuan.
5. Mengambil tindakan ke atas pelaku-pelaku kesalahan syarak atau jenayah syarak di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, 1974.
6. Memberi kefahaman kepada masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan berhubung dengan kemungkaran, maksiat dan jenayah syarak.
7. Mengambil tindakan ke atas pelaku-pelaku kesalahan jenayah syarak di Wilayah Persekutuan.

2.3 Organisasi

Di bawah ini diturunkan carta organisasi Unit Penguatkuasa dan Pendakwa.



#### 2.4 Fungsi-fungsi Unit Penguatkuasa dan Pendakwaan

Unit ini mempunyai fungsi seperti berikut :-

1. mendapatkan maklumat awal untuk menjalankan pengintipan dan membuat tinjauan ke tempat-tempat yang disyaki ada kesalahan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.
2. membuat pemeriksaan dan serbuan di tempat-tempat yang didapati berlaku kesalahan dan mengambil tindakan undang-undang ke atas pelaku-pelaku jenayah syarak.
3. menjalankan pemeriksaan dan penyiasatan serta mendakwa pelaku-pelaku jenayah syarak.
4. menyimpan rekod-rekod mahkamah, pengintipan, serbuan dan juga pendakwaan.
5. Membuat perhubungan, penyiasatan dan mengambil tindakan ke atas penyebaran ajaran sesat dan salah di kalangan masyarakat Islam.
6. merancang perkembangan, penyelarasan dan pertumbuhan Unit Penguatkuasa dari masa ke semasa.
7. membincang dan mengatur cara-cara yang baik bagi pasangan yang ingin berkahwin sejajar dengan kehendak Islam.

## 2.5 Tugas-tugas Pegawai Unit Penguatkuasa dan Pendakwaan

### 2.5.1 Ketua Penolong Pengarah Penguatkuasa dan Pendakwaan

1. menjadi ketua dalam pendakwaan di mahkamah
2. bertanggungjawab dalam pentadbiran Unit penguatkuasaan dan Pendakwaan.
3. bertanggungjawab di atas kerjaya pegawai di dalam Unit.
4. bertanggungjawab mengatur strategi bagi kemajuan unit.
5. bertanggungjawab dalam urusan unit.
6. bertanggungjawab terhadap kes-kes yang dibawa ke mahkamah dan kes-kes ulangbicara.
7. bertanggungjawab menentukan fasal-fasal kesalahan di dalam Enakmen.
8. bertanggungjawab mempertahankan kes di mahkamah
9. bertanggungjawab di atas arahan-arahan yang diterima dari Pengarah.

### 2.5.2 Pegawai Pendakwa

1. mengkaji laporan kes bersabit dengan melanggar undang-undang 1974 untuk didakwa di mahkamah syariah di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan.
2. mengkaji semula kes-kes yang telah diputuskan oleh mahkamah syariah untuk membuat rayuan

ulang bicara dalam mahkamah Syariah yang lebih tinggi.

3. mempertahankan sesuatu kes yang telah diputuskan dan dibawa ke mahkamah ulang bicara.
4. melaksanakan pendawaan di Mahkamah Syariah dan mendapatkan nasihat dari penasihat undang-undang (MUFTI), bagi kes-kes yang rumit - Peguam Negara.
5. mengeluarkan laporan lengkap untuk dibukukan bagi tiap-tiap satu kes yang telah selesai dibicarakan mengenai tindakan, bukti dan mengeluarkan laporan bagi kes-kes yang tidak dapat dibicarakan dengan memberi keterangan mengenai masalah-masalah yang dihadapi di dalam mendakwa kes-kes tersebut.
6. menyediakan kertas kerja untuk kes-kes yang memerlukan izin majlis.
7. perkara-perkara lain yang diarah oleh Ketua Jabatan dari masa ke semasa selain daripada yang disebut di atas. Pegawai Pendakwa juga ditugaskan menjadi Setiausaha kepada Jawatan-kuasa mengkaji pengubahsuaian Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan.

### 2.5.3 Tugas Penolong Pengarah Penguatkuasa

1. menyediakan dan mengawasi tugas-tugas pegawai penyiasat.

2. bertanggungjawab menjalankan pengintipan dan berusaha mendapatkan maklumat-maklumat awal mengenai kesalahan-kesalahan jenayah yang di sebut di dalam Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.
3. bertanggungjawab membuat tinjauan dan mengatur langkah-langkah perlu untuk membuat tindakan ke atas pelaku-pelaku jenayah yang dibuat di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan, 1974
4. bertanggungjawab menjalankan, mengawasi menyeliaikan penyiasatan ke atas pelaku jenayah di bawah Enakmen dan membuat pemeriksaan mengenainya.
5. mengambil tindakan dan membuat serbuan ke atas pelaku-pelaku kesalahan jenayah syarak (maksiat).
6. bertanggungjawab ke atas rekod-rekod pengintipan, penyiasatan, tindakan dan pendakwaan serta rekod-rekod lain mengenai Unit Penguatkuasa berhubung dengan aktiviti oleh pegawai-pegawai di bawah jagaannya.
7. membuat perbincangan dengan Pegawai Pendakwa tentang kes-kes dan kedudukan kes dari segi undang-undang dan pendakwaan,
8. merancang dan melaksanakan tindakan bersama dengan pegawai-pegawai polis, Kementerian

Perdagangan dan Jabatan-Jabatan Kerajaan.

9. mengadakan perbincangan dengan pihak yang melakuan kesalahan (maksiat) bagi membaiki dan memimpin mereka ke arah yang lebih baik dan segera.
10. perkara-perkara lain yang diarah oleh Ketua Jabatan dari masa ke semasa.

#### 2.5.4 Tugas Pegawai Penyiasat

1. menerima aduan mengenai kes-kes yang bersabit dengan kesalahan di bawah Enakmen Pentadbiran Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.
2. mengkaji aduan untuk disiasat atau diambil tindakan mengikut Enakmen.
3. menyiasat terhadap kes-kes melanggar undang-undang di bawah Enakmen Pentadbira Hukum Syarak Wilayah Persekutuan 1974.
4. mendaftarkan aduan-aduan ke dalam buku pendaftaran khas.
5. mendapatkan keterangan lengkap mengenai sesuatu kesalahan yang telah berlaku.
6. menyiasat bersama-sama dengan pegawai-pegawai penguatkuasa Kementerian Perdagangan dan Perindustrian ke kilang-kilang atau tempat-tempat memproses makanan dan minuman untuk memastikan sama ada halal atau haram.